



SIARAN MEDIA

KANAK-KANAK DILINDUNGI, KASIH DISEMAI DARI AKAR UMBI

PENAMPANG, 18 MEI 2025 – YBhg Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, hari ini telah menyempurnakan majlis perasmian **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak** di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Limbanak. Program ini merupakan salah satu pengisian bagi Kembara Kasih KPWKM 2025 yang diadakan di Penampang hari ini.

Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak, ibu bapa dan komuniti mengenai isu pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak. Program ini memberikan pendedahan tentang tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku penderaan, pengabaian atau eksploitasi, serta membantu mengenal pasti agensi kerajaan yang bertanggungjawab melindungi kanak-kanak.

Pada tahun 2024, Program Advokasi ini telah dilaksanakan di semua negeri di Malaysia termasuk 10 buah sekolah di Negeri Sabah. Susulan kejayaan tersebut, program ini kini disasarkan untuk dilaksanakan di 300 buah sekolah lagi sebagai kesinambungan usaha memperkasa kanak-kanak melalui advokasi perlindungan kanak-kanak ini.

“Isu penderaan dan pengabaian terhadap kanak-kanak masih lagi membimbangkan di negeri kita. Di Negeri Sabah sahaja, sebanyak 1,181 kes penganiayaan dan penderaan kanak-kanak telah direkodkan pada tahun 2024. Angka ini bukan sekadar statistik, tetapi mencerminkan kisah luka, trauma, dan ketidakadilan yang dialami oleh anak-anak kecil yang sepatutnya dilindungi dan disayangi.

Justeru itu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan program advokasi ini yang menjadi platform bagi kanak-kanak dan komuniti untuk memanfaatkan Talian Kasih 15999 atau melalui aplikasi Whatsapp 019-2615999 bagi melaporkan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak yang memerlukan bantuan segera.

Kementerian melalui JKJ sentiasa mengharapkan penglibatan semua pihak sebagai mata dan telinga masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada KPWKM.

Dalam majlis yang sama, telah disampaikan plag Talian Kasih dan kepada Tuan Pengetua dan *Mock Cek Cura* bernilai RM170, 760.00 kepada Puan Mardianah binti Hj Ibo, Pengerusi Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak Daerah Penampang.

Turut hadir ialah YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Pegawai-pegawai kanan Kementerian, pemimpinan tempatan, guru-guru dan pelajar sekolah.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT

18 Mei 2025